



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**MENGGALAS IKHLAS**

**Tarikh Dibaca:**

**8 MUHARRAM 1447H /  
4 JULAI 2025**

**Disediakan oleh:  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جَامِعَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## MENGGALAS IKHLAS

4 JULAI 2025 / 8 MUHARRAM 1447H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ :

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
﴿إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَبَ بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللّٰهَ مُخْلِصًا لَّهُ الدِّينَ﴾ الزمر [2]

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian pada khutbah ini dan janganlah sibuk dengan perkara *lagha* seperti bermain telefon bimbit. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan berbicara tentang; “**Menggalas Ikhlas**”.

Sebelum meneruskan khutbah, saya ingin menyeru sidang Jemaah sekalian untuk terus memanjatkan doa pertolongan kepada Allah SWT agar melindungi, menyelamatkan dan memberi kemenangan kepada penduduk Palestin dalam mempertahankan tanah air mereka. Sesungguhnya doa dari kita semua adalah senjata yang paling ampuh boleh kita salurkan kepada mereka dan hanya kepada Allah SWT jualah tempat yang selayaknya kita memohon pertolongan.

## SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Sesungguhnya, ikhlas menjadi roh kepada setiap amalan. Tanpa ikhlas, apa jua yang kita lakukan tiada nilai dan tidak layak mendapat ganjaran. Ikhlas bermaksud melakukan sesuatu semata-mata kerana Allah, bukan kerana pujian, sanjungan, gelaran atau habuan. Keikhlasan menjadikan amal yang walaupun hanya sebesar zarah, dinilai besar di sisi Allah. Renungi maksud firman Allah SWT dalam Surah az-Zumar ayat 2 yang menjadi mukadimah khutbah hari ini:

*“Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab (al-Quran) kepadamu dengan membawa kebenaran. Maka sembahlah Allah, dengan mengikhlaskan ketaatan dan agama hanya kepada-Nya”.*

## SIDANG JEMAAH YANG DIBERKATI ALLAH,

Keikhlasan sering runtuh lantaran kejahilan dan kelalaian. Penyakit hati tiga serangkai; *riyak*, *ujub* dan *sum'ah* adalah racun berbisa yang sering membunuh keikhlasan. *Riyak* ialah rangsangan beramat untuk dilihat. *Ujub* pula berasa takjub dan berbangga dengan amalan sendiri. Sementara *sum'ah* bermaksud beramat untuk didengari dan dipuji. Sayunya apabila melihat realiti umat hari ini, yang kian membarah diserang penyakit-penyakit hati ini. Saban hari bergelumang dengan racun pemusnah amalan tanpa disedari. Bersama solat dan sedekah, kita teruja memuat naik foto dan video ke media sosial demi menagih perhatian dan menanti pujian. Menulis dan berbicara panjang tentang amal kebajikan dengan tujuan meraih populariti, membantu golongan susah turut dipaparkan untuk menaikkan pengaruh diri dan melakukan amal kebajikan hanya untuk membina *ujub* dalam hati, tiada lagi niat ikhlas untuk meraih redha Allah. Sedarkah kita betapa amal-amal yang bersulam *riyak*, *ujub* dan *sum'ah* ini tiada nilai di sisi Allah dan sangat merugikan? Ada sebuah hadis qudsi riwayat Imam Muslim daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu*, Rasulullah bersabda bahawa Allah SWT berfirman:

**أَنَا أَغْنِيُ الشَّرْكَاءِ عَنِ الشَّرِيكِ، مَنْ عَمِلَ عَمَلاً أَشْرَكَ مَعِي فِيهِ غَيْرِي، تَرَكْتُهُ وَشَرَكَهُ.**

**Bermaksud:** “Aku adalah Tuhan yang paling tidak memerlukan sekutu. Sesiapa yang melakukan sesuatu amal, lalu dia mensyirikkan Aku dengan selain-Ku, maka Aku tinggalkan dia dan sekutunya”.

Amati potongan terakhir ayat tadi, “maka Aku tinggalkan dia dan sekutunya”. Sedarkah betapa kita semakin jauh ditinggalkan oleh Allah SWT akibat penyakit hati ini? Siapa lagi yang mampu memimpin kita untuk meraih bahagia setelah Allah meninggalkan kita?

### SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHİ,

Realiti kehidupan hari ini menuntut kita untuk lebih berwaspada dan bersiap siaga. Tanpa keikhlasan, segala amalan bakal lenyap dan hilang daripada suratan amalan. Imam Ahmad meriwayatkan daripada Mahmud bin Lubaid *radiallahuanhu*, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَخْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمُ الشَّرُكُ الْأَصْغَرُ . قَالُوا: وَمَا الشَّرُكُ الْأَصْغَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: الرِّيَاءُ؛ يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِذَا جُزِيَ النَّاسُ بِآعْمَالِهِمْ: اذْهَبُوا إِلَى الَّذِينَ كُنْتُمْ تَرَأَوْنَ فِي الدُّنْيَا، فَانظُرُوا هَلْ تَجِدُونَ عِنْهُمْ جَزَاءً؟!

**Bermaksud:** “Sesungguhnya perkara yang paling aku takuti menimpa kamu ialah syirik kecil”. Para sahabat bertanya: “Apakah syirik kecil itu, wahai Rasulullah?” Baginda menjawab: “Riyak”. Allah Azza wa Jalla akan berkata kepada mereka pada hari Kiamat, ketika manusia diberi balasan atas amalan mereka: “Pergilah kamu kepada orang-orang yang dahulu kamu meriyakkan kepada mereka di dunia, lalu lihatlah, adakah kamu dapati balasan di sisi mereka?”.

Begitulah nasib mereka yang tenggelam dengan *riyak*. Sudahlah semua amalan lenyap tanpa ganjaran, dihalau pula oleh Allah SWT untuk mencari mereka yang diharapkan balasan. Pastinya, tiada siapa pun yang akan mampu memberi pertolongan apatah lagi memberi ganjaran. Sudah jatuh ditimpa tangga, itulah gambaran nasib mereka di akhirat. Malah lebih mengerikan dengan realiti di sana, “sesudah terusir, dihumban ke neraka”. *Wal ‘iyadzu billah.*

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita tanamkan keikhlasan, lantaran amalan kita memang untuk dipersembahkan buat al-Mannan, Maha Memberi Kurniaan. Tiada yang kita perolehi daripada *riyak*, *sum’ah* dan *ujub*, selain kehinaan dan kecelakaan. Yakinlah bahawa keikhlasan pasti membawa keberkatan, menenangkan jiwa, melahirkan kejujuran dan istiqamah dalam

amalan. Tanpa ikhlas, hati kecewa apabila tidak dipuji, amal terhenti apabila tidak diperhatikan. Justeru, mari kita bangun untuk menggalas keikhlasan dengan beberapa panduan berikut:

**Pertama**, sedarlah betapa Allah sentiasa memerhatikan kita. Jadikan *muraqabah* (kesedaran bahawa Allah melihat kita) sebagai bekalan dalam setiap amal.

**Kedua**, sembunyikan amal seboleh mungkin. Terbukti, amal yang disembunyikan lebih hampir kepada keikhlasan. Namun, jika ada keperluan untuk memaparkan amalan, pastikan niat ikhlas dipelihara. Niatkan paparan kerana tujuan dakwah, atau sebagai *qudwah* iaitu teladan yang baik untuk dicontohi.

**Ketiga**, Jauhi pujian dan sanjungan yang berlebihan. Hakikatnya, pujian seringkali menjadi pencetus penyakit *riyak*, *sum'ah* dan *ujub*.

Di samping itu, berdoalah agar Allah mengurniakan kepada kita keikhlasan. Imam al-Bukhari dalam *al-Adab al-Mufrad* meriwayatkan daripada Ma'qil bin Yasar *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah SAW mengajarkan doa berikut:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أُشْرِكَ بِكَ وَأَنَا أَعْلَمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ لِمَا لَا أَعْلَمُ

**Bermaksud**: “*Ya Allah! Aku berlindung kepada-Mu daripada perbuatan syirik yang aku sedari. Dan, aku memohon ampun kepada-Mu atas dosa-dosa yang tidak aku ketahui*”.

## SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Maka, carilah keikhlasan dalam beramal. Laksanakan perubahan dengan sepenuh keinsafan terhadap segala amal ibadah yang kita kerjakan. Semoga dengan itu kita terselamat daripada terjerumus dalam kalangan orang-orang yang rugi. Mengakhiri khutbah, amati beberapa saranan daripada khutbah hari ini:

**Pertama**: Ikhlaskan amalan. Menggalas keikhlasan adalah suatu tuntutan demi meraih kesempurnaan amalan dan penerimaan di sisi Allah SWT.

**Kedua**: Jika perlu memaparkan amalan, niatkan kerana tujuan dakwah atau sebagai *qudwah* iaitu pedoman dan contoh teladan.

**Ketiga:** Indahnya keikhlasan kerana ia pasti membawa keberkatan, memberikan ketenangan, melahirkan kejujuran dan mengekalkan amalan.

Renungi firman Allah SWT dalam Surah al-Kahfi ayat 110:

﴿ قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَحْدَهُ فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ﴾

﴿ فَيَعْمَلُ عَمَلاً صَالِحًا وَلَا يُشْرِكُ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا ﴾ ١١٠

**Bermaksud:** “Katakanlah: “Sesungguhnya aku hanyalah manusia seperti kamu, diwahyukan kepadaku bahawa Tuhanmu hanyalah Tuhan Yang Satu; Maka, sesiapa yang percaya dan mengharapkan pertemuan dengan Tuhanmu, hendaklah dia mengerjakan amal soleh dan janganlah dia mempersekuatkan sesiapa pun dalam ibadat kepada Tuhanmu”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَأَيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقْبِيلِي مِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَلِهٰهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْعِيدِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالْتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى

**النَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۝**

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهٰهِ وَعَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِهٰهِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِهٰهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِهٰهِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُحِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمُ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَدُوكَ بِكِينِدَا يَعْ دَ-فَرْتوَانِ اكْنُوَغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَدُوكَ بِكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايِسُورِي اكْنُوَغْ، رَاجِ زَارِيَثْ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَزِيَا آمِنَا مُطْمَئِنَا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعْزِزِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاحْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَمْتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah, Yang Maha Gagah lagi Maha Perkasa! Lindungilah dan berilah mereka kekuatan serta kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya kepada Engkau jualah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kemarau, banjir, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kesesatan, kejahilan, baik yang nyata maupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kami melainkan dengan pertolongan-Mu jua Ya Allah!

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

\* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.